

Publication	Borneo Post	Section / Page	Online	Date	18 February 2020
Headline	Pelan Takaful <i>myClick</i> MozzCare Takaful Malaysia Sedia Perlindungan Bagi Covid-19				

KUALA LUMPUR: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd (Takaful Malaysia) menerusi cabang takaful amnya, Syarikat Takaful Malaysia Am Bhd, memperkenalkan pelan perlindungan dalam talian terbaharunya, Takaful *myClick* MozzCare, pada harga berpatutan yang menyediakan perlindungan terhadap jangkitan denggi dan Zika serta lanjutan perlindungan percuma bagi novel Coronavirus 2019 (COVID-19).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil berkata lanjutan perlindungan itu ditawarkan susulan peningkatan bilangan mangsa yang dijangkiti

virus COVID-19 selain kes demam denggi yang sentiasa berlaku di negara ini.

“Kami memenuhi keperluan segera pengguna dengan menyediakan lanjutan perlindungan terhadap COVID-19 selain manfaat yang ditawarkan menerusi pelan Takaful *myClick* MozzCare kami yang baru diperkenalkan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohamed Hassan berkata pelan itu menyediakan bayaran tunai sekali gus berjumlah sehingga RM4,000 sekiranya orang yang dilindungi itu disahkan menghidap denggi atau Zika dan bayaran tunai sekali gus

sehingga RM2,000 sekiranya disahkan dijangkiti COVID-19.

Menurutnya, pelan itu ditawarkan kepada individu berusia 18 tahun ke atas dan dengan bayaran daripada serendah 11 sen sehari atau RM40 setahun dan hanya tersedia dalam talian menerusi portal jualan ‘Click for Cover’.

“Kami kekal fokus menyediakan portfolio gabungan produk inovatif lebih meluas yang menyediakan kepada keperluan pengguna yang sentiasa mencari penyelesaian perlindungan dalam talian.

“Bagi produk ini, kami juga

menyediakan bayaran tuntutan dalam masa sehari bekerja dan pelanggan kami boleh memilih daripada mana-mana tiga pakej eksklusif yang ditawarkan, iaitu Gangsa, Perak dan Emas, yang menyediakan jumlah perlindungan berbeza pada harga sangat berpatutan bagi memenuhi keperluan perlindungan mereka,” katanya. — Bernama